

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	17/09 /2017B

'Dr M arah Megat Junid atur pertemuan'

BH-17/9/2017 Pg.17

➔ Megat Fairouz Junaidi dimaklum bapa buat bayaran jutaan ringgit jayakan pertemuan dengan Bush

Oleh Muhammad Mustakim Ramli
m.mustakim@bh.com.my

► Sintok

Datuk Megat Fairouz Junaidi berkata, arwah bapanya, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob, pernah memaklumkan beliau diarahkan mengatur pertemuan antara Tun Dr Mahathir Mohamad dan Presiden George W Bush membabitkan pembayaran jutaan ringgit.

Justeru, beliau berkata pendedahan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, mengenai perkara itu adalah benar.

"Memang benar arwah Tan Sri Megat Junid diarahkan untuk mengatur pertemuan di antara Tun Dr Mahathir dan Bush yang ketika itu Presiden Amerika Syarikat (AS).

"Usaha itu diadakan sejak April 2001 yang mana arwah melaksanakan arahan dengan berjumpa be-

berapa pihak termasuk membayar pelobi bagi membolehkan Tun berjumpa dengan Bush.

Tak tahu berapa jumlah

"Berapa jumlahnya itu saya kurang pasti tetapi difahamkan dalam jutaan ringgit," katanya di Hotel EDC Universiti Utara Malaysia (UUM), semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai kaitan arwah bapanya dalam isu berkenaan.

Perdana Menteri, ketika disambut pemimpin dan penyokong Barisan Nasional di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), malam kelmarin, mendedahkan Tun Dr Mahathir ketika pentadbirannya membayar jutaan ringgit untuk bertemu dengan Presiden AS.

Najib berkata, tindakan itu dilakukan melalui seorang pelobi yang bermastautin di Hong Kong dan ia dibayar melalui kontrak Tenaga Nasional Berhad (TNB).



Berapa jumlahnya saya kurang pasti tetapi difahamkan dalam jutaan ringgit"

Megat Fairouz Junaidi,

"Berjuta dibayar kerana nak sangat berjumpa dengan Bush tapi Dr Mahathir tidak dapat sambutan macam saya (pertemuan dengan Presiden AS, Donald Trump di AS).

"Jadi jangan (Dr Mahathir) jadi hipokrit, kutuk lawatan saya (ke AS). Lawatan ini bukan kerana saya tapi kerana Malaysia. Hubungan baik dengan China, Arab Saudi dan AS adalah untuk Malaysia," katanya.

Megat Fairouz Junaidi berkata, arwah bapanya adalah pekerja taat kepada pemimpin dan akan melaksanakan arahan ketuanya, iaitu Tun Dr Mahathir yang ketika itu Perdana Menteri.

"Kejayaan untuk bertemu dengan Presiden Bush diperlukan Tun bagi menaikkan semula 'rating' beliau di kaca mata pihak pentadbiran AS.

"'Rating' Tun tercalar susulan kenyataan bekas Naib Presiden AS, Al Gore yang kurang disenangi Tun pada Sidang Kemuncak APEC Summit di Kuala Lumpur pada 1998," katanya.